

## Kedudukan Fatwa Dan Pendapat Mufti Sebagai Autoriti Di Mahkamah Syariah Malaysia

### The Position of Fatwa and Mufti Opinion as Authority in Malaysian Sharia Court

MOHD KAMEL BIN MAT SALLEH  
MOHD AL ADIB BIN SAMURI  
MOHD IZHAR ARIFF BIN MOHD KASHIM

#### Abstrak

*Fatwa diiktiraf sebagai salah satu sumber perundangan Islam di Malaysia. Dalam beberapa keadaan dan kes, fatwa menjadi rujukan kepada mahkamah Syariah dalam menyelesaikan suatu pertikaian dan permasalahan hukum. Namun, kedudukan fatwa dan pendapat mufti sebagai autoriti di mahkamah Syariah masih kurang dibahaskan oleh sarjana. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan kedudukan fatwa dan pendapat mufti sebagai autoriti dalam penghakiman di mahkamah Syariah. Dengan itu, kaedah analisis dokumen digunakan terhadap laporan kes-kes Syariah bagi menganalisis keautoritian fatwa dan pendapat mufti di mahkamah Syariah Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa mahkamah merujuk fatwa dan mengikutnya dalam keputusan mereka. Dari sudut yang kontras, terdapat bukti bahawa mahkamah Syariah tidak merujuk kepada fatwa yang relevan biarpun terdapat fatwa berkaitan. Artikel ini menghujahkan bahawa penambahbaikan perundangan perlu dibuat agar mufti dan fatwa boleh berperanan secara efektif dalam sistem peradilan Syariah. Kajian ini penting kerana dapat menggambarkan kedudukan fatwa dan pendapat mufti sebagai salah satu sumber hukum yang berautoriti dalam sistem peradilan Syariah di Malaysia.*

*Kata Kunci: Pendapat Mufti, Autoriti Fatwa, Mahkamah Syariah, Keterangan Pakar.*

#### Abstract

*Fatwa is recognized as one of the sources of Islamic law in Malaysia. In some situations and cases, fatwa becomes reference in the Sharia court to resolve particular disputes and legal issues. However, the position of the fatwa and mufti's opinion as authority in the Sharia court as subject of study does not much receive much of attention by many scholars. This article aims to discuss the position of the fatwa and mufti's opinion as an authority in judgment of the Sharia court. Thus, the document analysis method is used on the reported cases to analyze the authority of fatwa and mufti's opinion in the Shariah court in Malaysia. The study found that the court refers and follows the fatwa in their decision. In contrast, there is also evidence that the Sharia court did not refer to the relevant fatwas although there were related. This article argues that legal reform need to be made so that mufti and fatwa can play their roles effectively in the Shariah judicial system. This is an important study because it helps to describe the position of fatwa and mufti's opinion as one source of legal authority in the Sharia judicial system in Malaysia.*

*Keywords: Mufti's Opinion, Authority of Fatwa, Sharia Court, Expert's Evidence.*

## PENGENALAN

Berdasarkan sejarah zaman pra-penjajahan Barat, fatwa dan pendapat mufti berperanan besar dalam sistem pemerintahan Raja Melayu Islam dan sering sahaja dirujuk dalam pertikaian di mahkamah (Ramizah Wan Muhammad 2009). Namun, pengenalan undang-undang Inggeris dalam sistem keadilan di Tanah Melayu turut mengubah peranan mufti dan fatwa dalam sistem keadilan dan kesannya terus berlanjutan pada hari ini. Pengasingan institusi mufti dan mahkamah Syariah menjadikan institusi kehakiman dan fatwa berada pada dua struktur organisasi yang berbeza. Persoalan adakah fatwa dan pendapat mufti diterima sebagai autoriti dan rujukan kepada mahkamah Syariah adalah satu perbincangan yang menarik untuk diketengahkan. Sehingga kini, perbincangan ini kurang dijangkau oleh mana-mana penyelidik tempatan yang selama ini lebih tertumpu kepada penulisan berkaitan pentadbiran dan pengurusan institusi fatwa. Ini dapat dibuktikan melalui pembacaan dan rujukan dalam pelbagai penulisan jurnal terkini mendapati, tiada penulisan berkaitan keautoritian fatwa di mahkamah Syariah dibuat secara khusus dalam bentuk menganalisa kes secara satu persatu.

Sehubungan itu, artikel ini akan mengupas persoalan sejauhmana fatwa menjadi autoriti dalam mahkamah Syariah di Malaysia. Semua Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia (kecuali Negeri Kelantan) memperuntukkan bahawa fatwa hendaklah diiktiraf oleh mahkamah sebagai *autoritatif* mengenai semua perkara yang dinyatakan di dalamnya. Namun, kajian ini membuktikan bahawa mahkamah Syariah menggunakan pendekatan yang pelbagai dalam menerima status autoriti fatwa dalam penghakiman mereka. Dalam satu keadaan, mahkamah menerima dan merujuk fatwa yang telah dikeluarkan oleh negeri berkaitan dalam penghakiman mereka. Dalam keadaan yang lain, mahkamah mengeluarkan keputusan yang tidak sejajar dengan fatwa biarpun terdapat fatwa yang berkaitan. Justeru, artikel ini menumpukan kepada kes-kes di mahkamah Syariah untuk mendapat gambaran sebenar tentang sejauhmana kedudukan fatwa dan pendapat mufti menjadi rujukan dan berautoriti kepada hakim di mahkamah Syariah. Dengan itu, artikel ini tidak akan menyentuh kedudukan fatwa dalam kes-kes di mahkamah sivil di Malaysia.

## FATWA SEBAGAI AUTORITI DALAM SEJARAH

Catatan sejarah Tanah Melayu menunjukkan fatwa dan pandangan mufti mempunyai kedudukan yang berautoriti dalam sistem pemerintahan, keagamaan dan kehakiman. Walaupun bukan atas nama mufti atau Jabatan Mufti, peranan sebagai penasihat agama atau penasihat Sultan menjadikan mereka sebagai rujukan pandangan agama sebelum pemerintahan British lagi. Raja-Raja Melayu sebagai ketua agama Islam telah melantik mufti dan kadi untuk menasihati mereka dalam perkara berkaitan Islam dan tafsirannya. Menurut Zaini Nasohah (1998), walaupun atas nama penasihat kepada Sultan atau kerajaan, tugas dan tanggungjawab mereka adalah sama seperti mufti. Berasaskan sejarah, peranan dan tanggungjawab mufti meliputi tugas-tugas menguatkuasakan hukum syarak, memberikan kefahaman terhadap hukum Islam, mengeluarkan fatwa,

menjalankan tugas-tugas keadilan, mengetuai upacara rasmi negara dan menangani pelbagai persoalan yang berlaku dalam negeri (Auni Hj. Abdullah 2005).

Memandangkan sistem pemisahan kuasa sebagaimana yang ditakrifkan Barat tidak diamalkan ketika itu, maka mufti mempunyai bidang kuasa dan tanggungjawab merentasi pelbagai badan seperti dalam pentadbiran, keagamaan dan kehakiman (Shamrahayu A. Aziz 2015; Mohd Hisham Mohd Kamal 2009; Auni Hj. Abdullah 2005; Abdullah @ Alwi Hj. Hassan 2005). Pelbagai nama dan jawatan sebagai Mufti, Kadi, Imam, Khatib, Shaykh al-Islam, Shaykh al-Ulama', Qadi al-Malik al-Adil dan sebagainya telah digunakan sekaligus menunjukkan peranan mereka sebagai pakar rujuk hukum syarak kepada istana dan masyarakat.

Mufti bertindak sebagai pakar rujuk agama kepada sultan dalam urusan pentadbiran dan struktur organisasi kerajaan dan dilantik sebagai pembesar negeri. Sebagai contoh, dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Johor tahun 1895 dan Terengganu 1911, peranan dan tanggungjawab mufti sebagai penasihat dan pakar rujuk kerajaan dinyatakan dengan jelas (Nooh Gadot 2005). Ini membuktikan bahawa mufti akan dirujuk oleh sultan dalam menyelesaikan persoalan dan isu berkaitan pentadbiran mengikut hukum syarak. Mufti juga bertanggungjawab untuk melantik imam, guru agama, menjadi penyelia masjid dan imam solat serta ketua ulama bagi negerinya. Contohnya, di Kelantan, Mufti yang bergelar Shaykh al-Islam adalah pengerusi kepada Majlis Mesyuarat Ulama, suatu jawatan tertinggi berkaitan agama di negeri itu (Abdullah @ Alwi Hj. Hassan 2005).

Dalam urusan kehakiman dan perundangan, pandangan dan pendapat mufti di mahkamah adalah suatu yang berautoriti sebagai sumber hukum Islam (Zaini Nasohah 1998). Terdapat mufti yang pernah bertindak sebagai peguam perbicaraan di mahkamah, berkuasa melantik kadi dan juga penasihat mahkamah. Adakalanya mereka sendiri terlibat sebagai kadi, penasihat kadi dan pakar rujuk dalam hal hukum-hakam, contohnya seperti yang berlaku di Melaka dan Kelantan. Sultan dalam Kesultanan Melayu Melaka menghakimi sendiri kes yang dibicarakan di istana dengan dibantu oleh para ulama sebagai penasihat. Impak daripada peranan sebagai penasihat sultan ini membawa kepada penggubalan Risalah Hukum Kanun yang mula ditulis pada tahun 1446M dan lengkap disusun tahun 1456M iaitu pada zaman kegemilangan Kesultanan Melaka (Abdullah @ Alwi Hj. Hassan, 2005). Manakala di Kelantan iaitu pada tahun 1800-an, mufti terlibat sebagai hakim Mahkamah Rendah Syariah yang mempunyai bidang kuasa membicarakan kes berkaitan kekeluargaan, harta pusaka dan beberapa kesalahan Islam yang lain. Dalam kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Balai iaitu mahkamah tertinggi di negeri tersebut, sultan berfungsi sebagai hakim dan mufti pula sebagai penasihat baginda. Mufti juga dilantik sebagai ahli badan perundangan negeri yang menjalankan tanggungjawab menyusun atur semua prosedur dan peraturan mahkamah Syariah apabila situasi memerlukan kepada peraturan-peraturan baru. Peranan ini seolah-olah menampakkan '*conflict of interest*' para mufti kerana berperanan sebagai mufti dalam satu-satu masa, dan dalam masa yang sama boleh melantik hakim, malah kadang-kadang terlibat pula sebagai seorang hakim. Ia berkemungkinan merujuk kepada tahap keilmuan seorang mufti yang melayakkan baginya menjawat jawatan sebagai hakim, maka sudah pasti kedudukannya sebagai hakim adalah berbeza dari sudut memutuskan hukum mereka yang bertelagah di

mahkamah, berbanding ketika berperanan sebagai mufti dengan memberikan hukum dan fatwa secara umum terhadap permasalahan yang berada di hadapannya. Namun begitu, suatu fakta yang tidak dapat disangkal bahawa kedudukan mufti dalam sejarah Tanah Melayu adalah tinggi dan mulia sehingga dilibatkan dalam pelbagai urusan yang melibatkan hal ewhal agama Islam. Inilah juga yang diujahkan oleh Ramizah Wan Muhammad (2009) berkenaan peranan Shaykh al-Islam/Mufti yang bertindak sebagai penasihat dalam sistem pentadbiran mahkamah, antaranya ialah Mahkamah Adat dan Mahkamah Syariah/Kadi semasa zaman penjajahan British di Tanah Melayu (1800-1900). Atas keterlibatan dan peranan sebagai penasihat raja dan sultan membuktikan bahawa mereka sebenarnya memang terlibat dalam proses membuat dan menyusun undang-undang sehingga dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negeri (Shamrahayu A. Aziz 2015).

Perbezaan skop tugas antara mufti dan kadi ialah tugas mufti lebih kepada soal kehakiman dalam mahkamah yang menyentuh perkara matrimonial dan pengurusan harta, manakala kadi diberi tanggungjawab ke atas kes-kes jenayah. Bagi Negeri-Negeri Selat, mufti dan fatwanya turut menjadi rujukan dalam penghakiman di mahkamah sivil Inggeris. Dalam kes berkaitan munakahat, *Undang-Undang Mohamedan Marriage Ordinance 1880* bagi Negeri-Negeri Selat telah dipinda pada tahun 1908 dengan mewujudkan jawatan mufti atas perantikan Gabenor bagi menjalankan peranan sebagai penasihat berkaitan hukum syarak. Jawatan ini diwujudkan bagi membantu *Registrar* dalam menyelesaikan kes-kes rayuan mengenai perkahwinan dan perceraian yang sebelum ini di bawah kuasa kadi. Beberapa buah buku telah disenaraikan sebagai rujukan dan autoriti dalam mengendalikan kes tersebut antaranya ialah *Mohamedan Law* oleh Syed Ameer Ali, *Howard's Translation of the Minhaj al-Talibin* dan *A Digest Mohamedan Law by Neil B.E. Bailie* (Abdul Monir Yaacob 2005; Othman Ishak 1981).

## AUTORITI FATWA DAN PENDAPAT MUFTI DI MAHKAMAH SYARIAH

Fatwa wajar menjadi rujukan utama kepada penghakiman di mahkamah Syariah kerana ia adalah satu instrumen yang penting dalam konteks perundangan bagi menyelesaikan sebarang pertikaian. Dengan tidak menafikan keperluan para hakim untuk berijtihad dalam perbicaraan yang melibatkan permasalahan hukum syarak, rujukan ini memudahkan tugas hakim dalam memberikan keputusan dan boleh mengurangkan kos perbicaraan kerana tidak mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Justeru, fatwa dan pendapat mufti amat wajar dilibatkan dalam penghakiman mahkamah Syariah dalam memberikan pandangan hukum syarak bagi meletakkan mufti dan institusi fatwa sebagai sumber rujukan yang berautoriti. Perkara ini boleh sahaja dimaksimumkan oleh para peguam yang membawa hujah dan sumber fatwa yang telah dikeluarkan untuk dipertimbangkan oleh para hakim, atau hakim sendiri mengambil inisiatif menjadikan himpunan fatwa itu sebagai rujukannya dalam memutuskan sesuatu hukum. Inilah yang diujahkan dan diketengahkan oleh Mohd. Daud Bakar (1997) bahawa dalam sejarah pemerintahan kerajaan Islam Andalus, mufti pernah diletakkan sebagai pembantu hakim di mahkamah. Ada yang bertugas sebagai pegawai sepenuh masa dan pegawai tetap

yang berperanan sebagai penasihat dalam proses syura. Inilah satu proses kehakiman yang mantap apabila pendapat mufti diambil kira oleh hakim yang membicarakan sesuatu kes, terutama dalam beberapa pertikaian yang memerlukan pandangan hukum syarak.

Dalam konteks Malaysia, seperti yang dibincangkan dari sudut perkembangan sejarah perundangan, mufti terus kekal berperanan dalam landskap perundangan moden pasca-kemerdekaan, terutamanya dari sudut perundangan Syariah. Tindakan British yang mengasingkan mufti dan kadi telah memberikan kesan kepada bentuk peruntukan berkaitan kefatwaan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia. Sehingga tahun 2016, kedudukan fatwa tetap diiktiraf oleh perundangan melalui punca kuasa Enakmen tersebut. Fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh mufti dan Majlis melalui Jawatankuasa Fatwa Negeri adalah merupakan fatwa yang diakui dan diiktiraf oleh mahkamah Syariah. Fatwa yang diwartakan juga berautoriti dan mengikat semua orang Islam dalam negeri berkenaan. Melanggar dan mengingkari fatwa yang diwartakan adalah suatu kesalahan dan jika disabitkan oleh mahkamah, boleh dikenakan tindakan dan hukuman sewajarnya mengikut peruntukan undang-undang Islam Negeri.

Berasaskan peruntukan undang-undang Islam negeri berkenaan fatwa sehingga tahun 2016, berikut adalah rumusan yang boleh disimpulkan bagi menunjukkan keautoritian fatwa:

1. Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf/boleh diterima sebagai autoriti oleh semua mahkamah Syariah (semua negeri kecuali Kelantan). Ia merujuk kepada semua peringkat mahkamah Syariah iaitu iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah;
2. Fatwa yang diwartakan adalah mengikat orang Islam dalam negeri yang mewartakan fatwa tersebut (semua negeri kecuali Kelantan);
3. Mufti tidak boleh disaman atau dipanggil untuk memberi pendapat atau keterangan mengenai undang-undang Islam sama ada di Mahkamah Awam/Sivil atau Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan, Kelantan, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang dan Sabah). Ini bermaksud Mufti tidak boleh dipanggil sama ada sebagai saksi mahupun memberi pendapat dan keterangan;
4. Walau bagaimanapun, pendapat mufti dalam bentuk affidavit bertulis boleh diterima oleh mahkamah. Mahkamah yang dimaksudkan ialah 'Mahkamah selain syariah' atau lebih tepat mahkamah sivil (semua negeri kecuali Sarawak);
5. Dalam prosiding di hadapan mana-mana mahkamah, pengemukaan pemberitahuan fatwa yang diwartakan hendaklah menjadi bukti konklusif tentang fatwa tersebut (Sarawak sahaja);
6. Mufti dan mana-mana ahli-ahli Majlis Fatwa Negeri, tidak boleh didakwa di mana-mana mahkamah Syariah atau sivil bagi sesuatu fatwa yang telah diwartakan (Sabah sahaja).

Persoalan mengapakah ada perbezaan peruntukan di antara negeri-negeri berkaitan hal ehwal kefatwaan, pastinya ia akan merujuk kepada kuasa pentadbiran dan undang-undang Islam yang terletak di bawah bidang kuasa Negeri. Negeri mempunyai hak dalam menggubal dan melaksanakan suatu undang-undang yang pastinya berbeza di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Berhubung perkara I dan II di atas,

berdasarkan temubual bersama Yang Berhormat Dato' Haji Daud bin Muhammad, Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan di pejabatnya pada 13 Mei 2015, beliau menjelaskan bahawa Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (1994), Bahagian II (Jamaah Ulama) yang memperuntukkan mengenai hal berkaitan kefatwaan, bahawa mahkamah Syariah Kelantan tidak terikat dengan fatwa kerana para hakim Syarie berhak berijtihad dalam menyelesaikan suatu pertikaian di mahkamah. Fatwa boleh dirujuk dalam permasalahan baru yang memerlukan kepada rujukan dan keputusan fatwa. Memandangkan juga bahawa fatwa adalah suatu pandangan hukum secara umum, maka ia tidak wajar mengikat orang Islam di negeri Kelantan. Jika ia mengikat, maka kedudukannya seolah-olah sama sahaja dengan keputusan seorang hakim. Justeru, peruntukan mengenai fatwa hendaklah diiktiraf di mahkamah Syariah dan mengikat orang-orang Islam, maka ia tidak dimasukkan di dalam Enakmen negeri tersebut.

Dapat disimpulkan bahawa di mahkamah Syariah, fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa tetap menjadi autoriti kerana mahkamah hendaklah mengiktiraf fatwa yang dikeluarkan dan boleh menjadikannya sebagai rujukan. Jika fatwa itu telah dikeluarkan dalam bentuk teks dan bertulis seperti buku dan atas talian (*online*), ia boleh sahaja diiktiraf oleh mahkamah dan jika belum ada fatwa yang berkaitan, pihak mahkamah Syariah boleh meminta kepada mufti dan Jawatankuasa Fatwa bagi membincang dan mengeluarkan fatwa yang berkaitan. Ia boleh disampaikan dalam bentuk affidavit bertulis dan boleh diterima di mahkamah. Namun begitu, dalam beberapa Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia memperuntukkan bahawa mufti tidak boleh dipanggil sebagai saksi pakar atau memberi keterangan di kedua-dua mahkamah Syariah dan sivil (Wilayah Persekutuan, Kelantan, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang dan Sabah). Mengapa para mufti tidak dilibatkan dalam prosiding mahkamah Syariah adalah persoalan yang menarik untuk diselidiki. Ini berkemungkinan bagi menjaga maruah dan peribadi mufti daripada bersoal jawab di mahkamah yang boleh merendahkan kedudukannya sebagai mufti dan Penasihat Raja-Raja Melayu. Berkemungkinan juga skop tugas yang berbeza di antara mufti dan hakim tidak memberi kewajaran kepada mufti untuk dipanggil sebagai saksi pakar di mahkamah. Sedangkan antara tugas sedia ada mufti adalah mengeluarkan fatwa dan hukum syarak bersama ahli jawatankuasa fatwa negeri masing-masing dan terlibat juga sebagai ahli dalam Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (Jawatankuasa Fatwa MKI). Apabila skop tugas yang pelbagai dan berbeza dengan peranan seorang hakim, maka tiada kewajaran bagi seorang mufti untuk hadir di mahkamah sama ada sebagai saksi pakar atau memberi keterangan dalam suatu kes yang dibicarakan. Dalam masa yang sama peranan dan tanggungjawab seorang mufti adalah menjaga urusan agama dan pelbagai tugas-tugas rasmi lain, tidak memungkinkan untuk mereka hadir memberi keterangan di mahkamah. Ini sebagaimana yang diujahkan oleh Mohamed Azam Mohamed Adil (2012), Farid Sufian Shuaib (2001) dan Suwaid Tapah (2004), peruntukan ini mungkin bertujuan untuk menjaga imej, maruah dan kredibiliti para mufti, mereka tidak boleh disaman untuk hadir ke mahkamah bagi memberi pandangan atau menjadi saksi bagi satu-satu perbicaraan.

Walaupun Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia memberi pengiktirafan kepada fatwa dan pendapat mufti di mahkamah Syariah, namun keautoritian mutlak suatu fatwa tetap menjadi perbincangan serta perdebatan dalam kalangan sarjana undang-undang. Menurut Ahmad Hidayat Buang (2004):

Sungguhpun terdapat usaha untuk menjadikan fatwa yang diwartakan itu mengikat mahkamah, namun mahkamah terutama mahkamah sivil tidak terikat dengan fatwa yang diwartakan itu. Ini adalah kerana kuasa untuk mentafsir undang-undang itu masih terletak di tangan mahkamah. Bagi mahkamah Syariah pula, ianya tidak terikat dengan fatwa dengan hujah bahawa ia berhak untuk berijtihad di dalam kes-kes yang dihadapkan kepadanya. Oleh itu, peruntukan undang-undang yang cuba untuk mengikat mahkamah dengan fatwa-fatwa yang diwartakan perlu diuji di mahkamah untuk diketahui kesan-kesannya. Bagaimanapun, apa yang boleh dijangkakan adalah peruntukan undang-undang itu mungkin *ultra-vires* dengan kuasa-kuasa Mahkamah yang diberikan oleh Perlembagaan dan undang-undang Persekutuan yang mempunyai keutamaan berbanding undang-undang lain, apatah lagi Undang-undang Pentadbiran Agama Islam dan fatwa yang diwartakan khususnya bertaraf undang-undang negeri dan undang-undang kecil.

Namun rumusannya, kedudukan fatwa sebagai autoriti di mahkamah Syariah adalah diterima dan diiktiraf, seperti yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri. Namun persoalan berkaitan sejauhmana ia dirujuk dan dijadikan autoriti oleh hakim Syarie memerlukan kepada satu kajian. Analisis kes-kes di bawah akan dapat menjawab kepada persoalan tersebut.

## FATWA DAN PENDAPAT MUFTI MENJADI RUJUKAN PENGHAKIMAN DALAM KES-KES DI MAHKAMAH SYARIAH

Terdapat beberapa kes di mahkamah Syariah yang menjadikan fatwa dan pendapat mufti sebagai rujukan serta diterima dalam penghakiman. Kes-kes yang tersenarai di bawah telah diputuskan oleh hakim Syarie dalam penghakimannya iaitu satu kes di Mahkamah Rendah Syariah dan lapan kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri untuk tempoh tahun 2006-2014 yang diperolehi daripada *Shariah Law Report*, *The Current Law Journal*, *The Malayan Law Journal* dan Jurnal Hukum. Terdapat sembilan kes dalam kategori hukum Syariah, jika dipecahkan dari segi pola, terdapat satu kes berkaitan penentuan nasab anak, tiga kes matrimonial, dua kes tanah wakaf dan tiga kes berkaitan tuntutan harta. Dari sudut fatwa manakah yang menjadi autoriti dan diterima oleh para hakim Syarie, terdapat tiga kes merujuk kepada fatwa Negeri, tiga kes juga menerima kedua-dua fatwa Negeri dan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI serta tiga kes yang hanya merujuk kepada fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI. Apa yang menarik melalui penganalisan kepada semua kes ini, terdapat dua kes yang diputuskan di Negeri tetapi menjadikan fatwa negeri lain sebagai autoriti. Begitu juga kedudukan fatwa yang diputuskan di peringkat Kebangsaan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI yang diketahui umum sifatnya tidak mengikat negeri tetapi menjadi kecenderungan para hakim menjadikannya sebagai autoriti dalam penghakiman.

### 1. *Mohd Faizol bin Zainal v Suhaila bt Yusoff* [2014] 2 ShLR 83

Dalam kes ini, Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu telah mendengar permohonan penentuan nasab seorang bayi perempuan bernama Nur Farisha bt Abdullah yang telah dilahirkan oleh defendan pada 5 Mei 2009. Plaintiff membuat permohonan kepada mahkamah agar anak tersebut dinasabkan kepadanya sebagai bapa. Semasa pendengaran kes, plaintiff dan defendan adalah pasangan suami isteri. Mereka membuat pengakuan telah melakukan hubungan luar nikah sehingga plaintiff hamil. Ketika diijabkabulkan pada 8 Januari 2009, usia kandungan telah melebihi empat bulan. Semasa pendaftaran anak, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) enggan meletakkan binti kepada nama bapa atas alasan kelahiran anak tidak mencukupi tempoh enam bulan dari tarikh akad nikah dan anak tersebut dibintikan kepada Abdullah. Justeru, plaintiff dan defendan telah memfailkan permohonan ke mahkamah agar tuntutan penentuan nasab anak dapat diputuskan sebagai anak sah taraf dan boleh dibintikan kepada plaintiff sebagai bapa. Hakim Kamalruazmi Ismail menolak tuntutan plaintiff untuk sabitan nasab anak sebagai sah taraf kerana tempoh kelahiran selepas akad nikah tidak sampai enam bulan dua *lahzah* sekaligus tidak boleh dibintikan kepada lelaki berkenaan. Anak yang lahir itu tidak memenuhi syarat-syarat untuk dinasabkan kepada plaintiff menurut hukum syarak dan undang-undang.

Dalam kes ini, fatwa Negeri Terengganu dan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI telah dijadikan rujukan dan autoriti yang menyatakan bahawa anak yang dilahirkan kurang dari enam bulan dua *lahzah* adalah anak tidak sah taraf dan tidak boleh dinasabkan kepada bapa biologi. Peruntukan undang-undang yang digunakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dalam menolak sabitan anak sah taraf juga adalah berdasarkan kepada Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI yang bersidang pada 28–29 Januari 1981 dan Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1986 berkenaan pendaftaran kelahiran anak luar nikah.

Hakim dalam penghakimannya menyebut:

Terdapat satu Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI yang bersidang pada 28–29 Januari 1981 memperuntukkan tentang status anak yang dikandung ibunya di luar pernikahan yang sah yang menyebut: perempuan yang sedang mengandung anak luar nikah harus dinikahkan tetapi anaknya tidak boleh dinasabkan kepada lelaki itu, tidak dapat pusaka daripadanya, tidak menjadi mahram kepadanya dan lelaki itu tidak boleh mewalikkannya. Anak zina atau anak di luar nikah (anak tak sah taraf) sama ada diikuti dengan perkahwinan kedua pasangan ibu bapanya atau tidak, hendaklah dibin atau dibintikan kepada Abdullah.

Fatwa yang berkaitan juga telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu berkenaan anak tak sah taraf. Mengenai persoalan ini, seksyen 109 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985 memperuntukkan: jika seorang perempuan yang berkahwin dengan seorang lelaki melahirkan seorang anak dalam masa enam bulan atau lebih dari tarikh perkahwinan itu, atau dalam jangka masa yang boleh diterima oleh hukum syarak selepas perkahwinan itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh menafikan, dengan cara *li'an* mengikut hukum syarak, bahawa anak itu adalah anaknya.



Berdasarkan kes di atas, Fatwa yang diwartakan oleh kerajaan Negeri Terengganu pada 18 Januari 2001 ini dilihat menjadi rujukan dan diterima oleh hakim sebagai berautoriti. Ia membuktikan bahawa fatwa yang diwartakan mengikat orang Islam dalam negeri yang mewartakannya dan dalam kes ini ia menjadi rujukan kepada hakim sebagaimana yang ditetapkan oleh seksyen 51 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001. Selanjutnya, tindakan hakim dalam kes di atas menerima keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI membuktikan bahawa fatwa di peringkat Kebangsaan mempunyai nilai autoriti yang tinggi dan wajar untuk dijadikan rujukan di mahkamah Syariah.

## 2. *Najim Alden Mohammad Saide v Nadiah Abdul Aziz* [2013] 1 CLJ (Sya) 124

Dalam kes ini, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur pada 14 Oktober 2010 menolak permohonan pemohon untuk mengisytiharkan perkahwinan mereka di Singapura pada 23 April 2001 sebagai sah mengikut hukum syarak. Perkahwinan tersebut dilangsungkan dengan menggunakan wali *tahkīm* iaitu seorang lelaki berbangsa India bernama Sayid Abdussalam al-Bukhari Assaadi dan saksi perkahwinan pula adalah mereka yang tidak memahami bahasa yang digunakan dalam majlis akad. Dalam kes ini, mahkamah telah bersetuju dan menerima fatwa Majlis Fatwa Negeri Kelantan yang bersidang pada 14 Jun 1998:

...amalan perkahwinan umat Islam di negeri ini secara wali *tahkīm* dan negeri-negeri yang mempunyai syauqah Islamiah adalah tidak sah kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak berhubung dengan masalah tersebut. Mahkamah mendapati fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Negeri Kelantan telah disandarkan dari kitab Mughnī al-Muhtāj juzuk 3 halaman 117. Mahkamah menghormati dan meraikan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Negeri Kelantan dan memetik hujahan pihak responden yang menyatakan bahawa konsep wali *tahkīm* tidak diterima di mana-mana negeri di Malaysia dan juga di negara yang mempunyai syauqah Islamiah iaitu kekuasaan Islam. Walaupun fatwa ini tidak mengikat dan mahkamah ini tidak mengikat untuk mengikutinya dari sudut perundangan, namun ia adalah satu pendapat yang rajih dan seharusnya diberi perhatian. Mahkamah telah merai fatwa ini dan merujuk fatwa ini di dalam memutuskan kes ini.

Kes ini memberi isyarat bahawa fatwa di Malaysia bersifat merentas sempadan negeri dan boleh dirujuk oleh mana-mana hakim dalam penghakimannya. Matlamat yang ingin dicapai dalam memutuskan suatu hukum adalah fakta, bukti, hujah dan dalil. Sekiranya ia dapat diperolehi melalui fatwa walaupun dikeluarkan di negeri lain, maka ia boleh dimanfaatkan oleh para hakim Syarie di Malaysia.

## 3. *Tengku Zainul Akmal bin Tengku Besar Mahmud & Anor v Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu & Anor* [2012] 3 ShLR 39

Hakim Ismail Yahya iaitu Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu Terengganu, telah menghakimi kes berkaitan sebidang tanah yang dikenali sebagai Tanah Konsesi Chenderong yang diisytiharkan sebagai tanah wakaf oleh Almarhum Tengku Chik dan Tengku Nik pada tahun 1941 dan 1961. Pengurusan tanah kemudiannya diambil alih oleh defendan iaitu Majlis Agama Islam dan Adat Melayu

Terengganu. Majlis kemudiannya telah mengambil beberapa langkah untuk membangunkan tanah tersebut, antaranya ialah memeterai perjanjian usahasama dengan sebuah syarikat yang dikenali Tis 'Ata 'Ashar Sdn. Bhd. Selepas itu Tis 'Ata pula membuat perjanjian usaha sama dengan sebuah syarikat yang dipanggil SPPT Development Sdn. Bhd.

Plaintif pertama dan plaintif kedua telah membuat tuntutan ke atas defendan supaya Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu membuat perintah, Tanah Konsesi Chenderong ini diisytiharkan sebagai tanah wakaf dan tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, diberi pajakan atau pajakan kecil (selama lebih dari tiga tahun) atau digadaikan. Plaintif-plaintif juga memohon kepada mahkamah untuk mengisytiharkan perjanjian pajakan kecil antara Tis 'Ata 'Ashar Sdn. Bhd. dan SPPT Development Sdn. Bhd. bertarikh 23 Ogos 1990 sebagai tidak sah dan terbatal kerana pada tarikh itu Tanah Konsesi Chenderong adalah tanah wakaf. Ketika dalam prosiding perbicaraan kes antara plaintif-plaintif dengan defendan sedang berjalan, SPPT Development Sdn. Bhd. telah memasukkan notis permohonan mencelah di dalam tuntutan ke atas harta wakaf ini, dan menamakan plaintif-plaintif dalam tuntutan ke atas harta wakaf sebagai responden-responden. Manakala Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu kekal menjadi pihak defendan, dan pencelah/pemohon ialah SPPT Development Sdn. Bhd. sendiri. Pencelah memohon suatu perintah bahawa mereka dibenarkan untuk mencelah dan dijadikan defendan kedua dengan alasan yang, antara lainnya, untuk memastikan kepentingan syarikat serta kepentingan-kepentingan transaksi yang dilaksanakan secara sah yang telah berlaku semenjak lebih kurang 20 tahun dulu itu sewajarnya diiktiraf oleh Perlembagaan Persekutuan dan mahkamah-mahkamah sivil yang telah bersidang itu tidak terjejas. Namun permohonan ini ditolak kerana pencelah ada dari kalangan mereka yang bukan beragama Islam.

Dalam kes ini, Hakim Ismail Yahya antara lainnya menjadikan fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Terengganu yang diwartakan (GN28/1971) sebagai rujukan bahawa Tanah Konsesi Chenderong tidak boleh dipindah milik dan halangan ini juga tertakluk kepada mana-mana pihak ketiga. Dalam keputusannya, Yang Arif Hakim menyebut:

...defendan dihalang daripada melanggar fatwa yang telah dikeluarkan oleh Mufti Negeri Terengganu melalui *Gazette* GN 28/1971 yang menegaskan bahawa Tanah Konsesi Chenderong tidak boleh dipindah milik dan halangan ini juga tertakluk kepada mana-mana pihak ketiga...

Kes ini juga memberi petunjuk bahawa fatwa yang diwartakan adalah mengikat orang Islam di negeri Terengganu dan wajib dipatuhi. Ia juga menunjukkan bahawa hakim mengikuti fatwa Kerajaan Negeri Terengganu yang telah mewartakannya. Hakim mahkamah Syariah telah mengambil pendekatan bijak dan wajar dengan menjadikan fatwa negerinya sebagai autoriti dalam penghakiman.

#### 4. *Norhairy Cheong Abdullah @ Cheong Foo Siong* [2010] 3 LNS 15

Ini adalah kes berkaitan perisytiharan pembubaran perkahwinan kerana pemelukan Islam yang didengar di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban. Hakim Mohd Nadzri Haji

Abdul Rahman Ibrahim telah memutuskan dan mengesahkan bahawa perkahwinan antara pemohon dengan isterinya Cheok Bee Hun terbubar akibat daripada perbuatan pemohon memeluk Islam pada 29hb Julai 2008. Isterinya Cheok Bee Hun tidak pula menuruti langkah suaminya memeluk Islam. Hakim dalam penghakimannya telah menjadikan fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke 11 yang bersidang pada 16hb Mac 1976 sebagai autoriti dan rujukan. Keputusan fatwa itu berbunyi:

Nikah pasangan suami isteri yang bukan beragama Islam akan terputus jika salah seorang daripadanya memeluk agama Islam tetapi jika yang seorang lagi memeluk agama Islam juga dalam masa iddah itu, maka kekal nikah mereka. Dalam keadaan dimana salah seorang daripada pasangan suami isteri yang bukan beragama Islam memeluk agama Islam maka hendaklah diberi penerangan kepada mereka mengenai terpisahnya yang akan berlaku (tertalak) jika seorang lagi tidak memeluk agama Islam dan hendaklah dinasihati dan dipujuk yang seorang lagi itu dengan hikmah supaya ia memeluk agama Islam.

Berdasarkan fatwa ini dan sumber rujukan yang lain, hakim telah memutuskan pembubaran perkahwinan di antara Norhairy Cheong Abdullah @ Cheong Foo Siong dengan Cheok Bee Hun. Antara rujukan hakim dalam kes ini seperti yang disenaraikan dalam penghakiman ialah Keputusan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke 11 yang dikeluarkan pada 16hb Mac 1976. Sehingga Januari 2016, daripada sekian banyak kes di mahkamah Syariah, inilah satu-satunya kes yang tertulis dalam penghakiman bahawa sumber yang dirujuk ialah keputusan fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI. Ini membuktikan bahawa keputusan fatwa MKI boleh sahaja dirujuk dan mempunyai nilai autoriti yang berwibawa walaupun sifatnya tidak mengikat Negeri. Rujukan ini membuktikan keyakinan tinggi para hakim Syarie untuk merujuk fatwa peringkat Kebangsaan dalam memutuskan sebagai pertikaian kes di mahkamah.

5. *Wan Shahrman Wan Suleiman & Anor v Siti Norhayati Mohd Daud* [2010] 1 CLJ (Sya) 85

Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur pada 1 April 2010 membicarakan permohonan bagi mengisytiharkan sejumlah wang saguhati (*ex gratia*) yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada seorang bekas hakim mahkamah sivil selepas kematiannya sebagai harta pusaka dan harus diagih-agihkan kepada waris-waris menurut kaedah-kaedah faraid. Dalam penghakimannya, hakim menolak permohonan tersebut dengan mengesahkan wang *ex gratia* sebagai hibah. Untuk memutuskan pertikaian adakah wang *ex gratia* adalah sama dengan wang KWSP dan SOCSO atau adakah wang *ex gratia* sama dengan wang pampasan kematian pekerja yang dianugerahkan Kerajaan atau syarikat swasta, Mahkamah telah merujuk kepada fatwa Negeri Selangor. Dalam penghakimannya hakim menyebut:

Adalah diakui bahawa terdapat fatwa yang jelas berhubung wang simpanan dalam KWSP, SOCSO dan ganjaran kematian. Sebagai contohnya Fatwa Negeri Selangor menyatakan: Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Selangor telah bersetuju memutuskan bahawa wang KWSP adalah dikira harta pusaka. Oleh itu pembahagiannya tertakluk kepada cara pembahagian harta pusaka.

Dalam kes ini, Mahkamah telah memutuskan pemberian wang *ex gratia* tidak boleh disamakan dengan pemberian seperti ganjaran terbitan, caruman dalam KWSP atau SOCSO atau pun wang pampasan kerana konsep yang digunakan adalah berbeza dengan pemberian wang *ex gratia*, maka ia bukanlah dianggap sebagai harta pusaka. Menariknya kes ini dibicarakan dan diputuskan di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur, sedang fatwa yang dirujuk ialah fatwa Negeri Selangor. Kes ini menunjukkan bahawa fatwa negeri-negeri turut dianggap sebagai sumber rujukan hukum kontemporari yang mempunyai kredibiliti tersendiri, boleh menjadi rujukan dan autoriti kepada pertikaian kes yang berlaku negeri lain. Asas utama penerimaan sesuatu fatwa sebagai autoriti adalah melihat kepada konteks hukum yang dikeluarkan itu meraikan keadaan semasa dan memberi jalan keluar kepada permasalahan hukum yang berlaku dalam masyarakat. Walaupun kes ini dirayu kemudiannya di Mahkamah Rayuan Syariah Kuala Lumpur dan hakim memutuskan sebaliknya dengan mengetepikan keputusan hakim Mahkamah Tinggi Syariah mungkin atas kapasiti hakim boleh berijtihad dalam memutuskan sesuatu hukum, namun ia tidak mengurangkan nilai autoriti fatwa yang dirujuk oleh hakim di Mahkamah Tinggi Syariah yang telah diputuskan sebelumnya. Tindakan hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur yang merujuk fatwa Negeri Selangor dan menerimanya sebagai autoriti dalam penghakiman menunjukkan sikap fleksibel mahkamah Syariah untuk menerima fatwa merentas negeri.

Kes ini mengundang perbincangan dari sudut pro dan kontra tentang kedudukan fatwa yang dirujuk sebagai autoriti di mahkamah Syariah. Dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur, fatwa dirujuk dalam penghakiman, tetapi dalam kes di Mahkamah Rayuan Syariah, mahkamah mengeneipkan keputusan perbicaraan mahkamah pertama. Namun penolakan ini bukan menunjukkan bahawa fatwa yang dikeluarkan dan dirujuk oleh hakim dalam perbicaraan pertama itu yang ditolak, tetapi hakim perbicaraan kedua mendapati ada fakta kes dan bukti yang lebih kuat menyebabkan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah ditolak. Ini membuktikan bahawa hakim Syariah berhak berijtihad dalam menghakimi sesuatu kes walaupun ada fatwa dan keputusan mufti yang dirujuk dalam sesuatu penghakiman yang melibatkan isu yang sama. Ini adalah kerana pertimbangan di mahkamah melihat kepada pelbagai sudut atau kes yang spesifik melibatkan pihak-pihak yang bertikai, bukan sekadar merujuk kepada fatwa yang menjadi salah satu sumber dalam penghakiman.

#### 6. *Halijah Abdul Rahman v Zambree Baharom* [2009] 1 CLJ (Sya) 402

Kes ini berkaitan talak melalui khidmat pesanan ringkas (SMS). Mahkamah Tinggi Syariah Seremban membicarakan permohonan semakan bagi kes yang telah dibicarakan sebelumnya di Mahkamah Rendah Daerah Port Dickson. Dalam kes tersebut, Hakim Mahkamah Rendah telah memutuskan bahawa lafaz talak taklik melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) yang dibuat oleh defendan kepada isterinya yang berbunyi “kalau awak keluar jumpa jantan jatuh talak tiga” adalah merupakan suatu lafaz *ṣāriḥ* (jelas), bukannya *kināyah* dan tidak memerlukan kepada niat untuk menjadikannya sah di sisi syarak. Atas alasan tersebut, hakim telah mengesahkan perceraian yang berlaku.

Hakim bicara bagaimanapun kemudiannya merasa ragu tentang kesahihan atau ketepatan keputusan yang dicapai telah mengangkat kes ke Mahkamah Tinggi Syariah untuk semakan. Di hadapan Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, persoalan yang berbangkit adalah sama ada lafaz talak melalui SMS mempunyai kesan yang sama seperti lafaz melalui tulisan. Jika begitu keadaannya, sama ada lafaz sedemikian, jikapun berbentuk *ṣāriḥ*, masih memerlukan kepada niat untuk menjatuhkan talak. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah menerima permohonan semakan kes ini untuk dibicarakan semula sama ada oleh hakim yang sama atau hakim lain.

Mahkamah telah merujuk kes perceraian ini melalui beberapa kitab dan pandangan para ulama termasuk menjadikan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-59 yang bersidang pada 27 Ogos 2003 bahawa Perceraian Melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) adalah sah sekiranya disertai dengan niat. Semua perceraian hendaklah dikemukakan kepada mahkamah Syariah untuk tujuan pensabitan. Hakim dalam kes ini dilihat menjadikan keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan sebagai autoriti dalam penghakiman walaupun fatwa ini tidak diwartakan oleh Kerajaan Negeri Sembilan.

Dalam kes ini, hakim memutuskan dan memerintahkan perbicaraan semula dan antara keputusannya ialah:

... Menurut Mazhab Syafie (dan juga Maliki), talak melalui tulisan, walaupun berbentuk *ṣāriḥ*, adalah tidak menjatuhkan talak dan tidak mendatangkan kesan kecuali dengan niat. Selain daripada syarat ini, mazhab Syafie juga mensyaratkan bahawa tulisan tersebut hendaklah ditulis sendiri oleh suami kepada isterinya. Harus juga diingat bahawa fatwa seperti yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada 27 Julai 2003 menyatakan bahawa “talak dalam bentuk tulisan yang jelas daripada suami yang ditujukan kepada isterinya secara khusus seperti melalui faksimili, SMS, e-mail dan sebagainya merupakan talak berbentuk *kināyah* dan adalah sah jika disertai dengan niat”. Mengambil kira semua ini, dapat disimpulkan bahawa talak yang dibuat secara tulisan adalah dihukum sebagai satu talak yang berbentuk *kināyah* dan memerlukan kepada niat untuk menjadikannya sah...

Maka sudah menjadi satu kemestian dalam pembuktian sama ada talak yang dijatuhkan itu disertai dengan niat atau tidak, kes tersebut wajar dibicarakan semula. Tindakan bijak hakim dalam kes ini ialah merujuk kepada fatwa yang relevan dalam isu dan permasalahan baru yang timbul dalam masyarakat. Keputusan supaya kes dibicarakan semula juga adalah tindakan proaktif hakim dalam memastikan keadilan dapat tertegak dalam masyarakat lebih-lebih lagi dalam kes yang memerlukan kepada pensabitan niat, *iqrār*, *bayyinah* dan sebagainya. Kes ini juga menjadi contoh keautoritian fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI sebagai badan pengeluar fatwa peringkat nasional. Walaupun fatwa yang sepatutnya diikuti dan mengikat adalah fatwa Negeri lantaran kuasa menguatkuasakan fatwa adalah hak Negeri, namun hakim sebenarnya tidak terikat untuk mengikut mana-mana fatwa, sama ada fatwa Negeri mahupun Kebangsaan.

#### 7. *Noridah bt Ab Talib v Hishamuddin bin Jamaluddin* [2009] 4 ShLR 115

Ini adalah kes berkaitan tuntutan harta sepencarian selepas berlaku perceraian di antara plaintif dan defendan. Terdapat aset alih dan tak alih yang dituntut oleh plaintif dalam

perbicaraan ini termasuk simpanan caruman pendapatan di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Dalam membicarakan kes ini, Yang Arif Abu Zaky, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam memutuskan, simpanan caruman dalam KWSP tidak dianggap sebagai harta sepencarian, merujuk kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI. Hakim merujuk maksud harta sepencarian berdasarkan dua keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI iaitu:

(a) Fatwa I, 19 September 2000:

Wang KWSP yang disimpan adalah pusaka dan penama KWSP adalah *wāṣī* atau pentadbir harta. Penama hendaklah membahagikan wang KWSP (peninggalan si mati) mengikut hukum faraid.

(b) Fatwa II, 20 September 1973:

Penama-penama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Wang Simpanan Pejabat Pos, Bank, insurans dan Syarikat Kerjasama adalah sebagai orang-orang yang melaksanakan wasiat si mati dari sumber-sumber tersebut untuk dibahagi kepada orang-orang yang berhak menurut pembahagian faraid.

Berdasarkan kepada kedua-dua fatwa di atas, hakim memutuskan:

...simpanan ahli KWSP adalah merupakan harta pusaka dan perlu diagihkan mengikut hukum faraid. Sekiranya ahli membuat penamaan semasa hayatnya, orang yang dinamakan hendaklah menerima simpanan ahli yang mati itu sebagai seorang *wāṣī*, bukannya sebagai *benefisiari* dan hendaklah membahagi-bahagikan mengikut undang-undang Islam. Mahkamah juga berpendapat bahawa harta berupa caruman wang KWSP tidaklah boleh dianggap sebagai harta sepencarian melalui sumbangan secara tidak langsung jika dirujuk kepada konsep asalnya. Sebaliknya, ia merupakan harta milik peribadi pencarum dan hanya pencarum yang mempunyai hak mutlak ke atas wang tersebut. Sekiranya mana-mana ahli yang mencarum di KWSP meninggal dunia, maka caruman tersebut hendaklah dibahagikan kepada ahli-ahli warisnya mengikut hukum faraid manakala penama KWSP hanya sebagai *wāṣī*/pentadbir sebagaimana yang dijelaskan melalui keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI...

Ini juga adalah contoh kes yang menjadikan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI sebagai autoriti. Inilah di antara ciri-ciri fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa iaitu hukum yang menyelesaikan permasalahan hukum syarak di kalangan umat Islam di Malaysia yang dilihat mempunyai kepentingan nasional. Sebagai hakim, beliau mengambil tindakan tepat merujuk fatwa yang dirasakan berupaya menyelesaikan pertikaian dalam masyarakat Islam.

8. *Wan Ismail Wan Endut v Wan Puziah Wan Awang* [2007] 1 CLJ (Sya) 548

Dalam kes ini, pemohon telah membuat permohonan pada 15 September 2005 di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu untuk menghidupkan semula kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah Kuala Terengganu. Kes ini sebenarnya mula dibicarakan pada 8 Februari 2001 di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu dan kemudiannya dirayu pada 26 Januari 2003 di Mahkamah Rayuan Syariah Kuala Terengganu atas alasan hakim terkhilaf dalam membuat keputusan mengesahkan penamaan Wan Puizah sebagai penama dalam simpanan Tabung Haji. Kes ini berkisar mengenai persoalan adakah sah penamaan yang dibuat ke atas nama Wan Puziah Wan Awang yang merupakan anak angkat kepada Hajah Wan Hitam dan suaminya yang menamakan Wan Puziah sebagai *benefisiari* kepada wang simpanannya

di Lembaga Urusan & Tabung Haji. Dalam kedua-dua perbicaraan iaitu kali pertama di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu [2004] 1 CLJ (Sya) 604 dan perbicaraan peringkat rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah Kuala Terengganu [2006] 1 ShLR, hakim telah mengesahkan bahawa Wan Puziah Wan Awang adalah penama kepada simpanan tersebut.

Dalam kes-kes ini, hakim merujuk dan berpegang kepada fatwa. Dalam kes pertama, Hakim Ismail Yahya telah merujuk kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI yang telah diputuskan dalam persidangan Jawatankuasa Fatwa pada 2 Oktober 1970 dan pada 5 Julai 1973. Beliau menyebut:

Fatwa tersebut telah menyentuh penama-penama Wang Kumpulan Simpanan Pekerja, Wang Simpanan Pejabat Pos, Bank, Insuran dan Syarikat Kerjasama sahaja. Walaupun penamaan di Tabung Haji telah tidak disentuh, sedangkan pada masa itu di Tabung Haji sendiri telah ada diamalkan penamaan. Saya percaya penamaan di Tabung Haji pada ketika itu telah tidak disentuh oleh Jawatankuasa Fatwa kerana penamaan di Tabung Haji telah menepati kehendak hukum syarak dalam persoalan wasiat. Ayat-ayat dalam penamaan di Tabung Haji pada masa itu adalah merupakan lafaz wasiat.

Dalam perbicaraan di Mahkamah Rayuan Syariah Kuala Terengganu para hakim yang terdiri daripada Dato' Dr Abdullah bin Abu Bakar, Dato' Haji Daud bin Muhammad dan Dato' Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman masih mengekalkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI sebagai autoriti.

Penghakiman seterusnya di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu, Hakim Ismail Yahya menolak permohonan plaintif yang memohon mahkamah menghidupkan semula kes ini kerana adalah suatu yang tidak masuk akal untuk menyatakan bahawa seorang hakim dibenarkan menghidupkan semula penghakiman muktamad yang dibuat oleh tiga orang hakim atau oleh dua dari tiga orang panel hakim (merujuk kepada penghakiman di Mahkamah Rayuan Syariah Kuala Terengganu). Dalam konteks rujukan fatwa, antara penghakiman yang disebut oleh Yang Amat Arif Hakim dalam menolak permohonan perayu ialah:

- I. Kewujudan fakta dan peruntukan undang-undang yang mengikat dalam bentuk fatwa sepertimana Warta Kerajaan Negeri Terengganu Jil. 55 bertarikh 14 Mac 2002 dan Warta Kerajaan Malaysia Jil. 45 bertarikh 18 Februari 2001;
- II. Percanggahan dengan fatwa yang telah diwartakan oleh Kerajaan Terengganu dan Malaysia.

#### *9. Bakhtiar Adnan v Mohd Fawzi Nahrabi & Yang Lain [2006] 1 CLJ (Sya) 316*

Dalam kes ini, pertikaian berlaku berkaitan sebidang tanah di Segambut yang diwakafkan oleh responden kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bagi tujuan wakaf am iaitu 1/7 daripada keluasan tanah itu. MAIWP telah membina sebuah surau di tapak yang diwakafkan itu. Pemohon (Bakhtiar Adnan) telah dilantik sebagai Pengerusi jawatankuasa surau tersebut. Walau bagaimanapun responden-responden kemudiannya telah menjual keseluruhan tanah, termasuk bahagian yang diwakafkan itu kepada pihak ketiga. MAIWP membantah penjualan, tetapi kemudiannya, sebagai jalan penyelesaian, MAIWP bersetuju untuk menerima sejumlah

gantirugi dari responden-responden dalam kapasiti mereka sebagai pemegang amanah wakaf *istibdāl*. Berikutnya, atas penyelesaian yang dicapai, pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah mengeluarkan notis kepada pemohon dan ahli jawatankuasa surau supaya merobohkan surau dalam masa 14 hari dari tarikh notis. Pemohon merasa tidak puashati dan telah memfail permohonan *ex parte* di sini memohon perintah injunksi bagi menghalang perobohan surau.

Isu yang melibatkan pendapat mufti dalam kes ini ialah tanah tersebut tidak boleh dijadikan tanah wakaf kerana bercanggah dengan peruntukan dalam Kanun Tanah Negara yang menghalang pindah milik tanah yang keluasanya kurang daripada 2/5 hektar. Maka sebagai jalan penyelesaian, dicadangkan nilai tanah itu diganti dengan nilai wang mengikut pasaran semasa. Dalam istilah lain ia disebut sebagai wakaf *istibdāl*. Pihak MAIWP meminta kepada Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dan Penasihat Undang-Undang Jakim supaya campur tangan berkaitan isu wakaf *istibdāl* ini. Melalui cadangan Penasihat Undang-Undang Jakim, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan telah mengeluarkan keputusan memperakui bayaran ganti rugi yang disebut sebagai wakaf *istibdāl*. Pihak pewakaf juga bersetuju untuk membayar ganti rugi surau dan tapak surau secara wakaf *istibdāl* iaitu menggantikan suatu harta wakaf dengan harta lain atau wang yang sama atau lebih nilainya sama ada melalui gantian, belian, jualan atau apa-apa cara lain menurut hukum syarak. Dalam kes ini, pandangan Pejabat Mufti dirujuk dan diambil kira oleh mahkamah dalam pengesahan wakaf *istibdāl*.

Berdasarkan kepada semua kes yang disenaraikan jelas membuktikan bahawa fatwa adalah suatu sumber hukum yang penting kepada para hakim di mahkamah Syariah. Rujukan kepada fatwa tidak terhad kepada fatwa yang diwartakan sahaja, tetapi fatwa yang tidak diwartakan juga mempunyai nilai autoriti yang kuat kepada hakim untuk dijadikan rujukan. Jika disorot kepada kuasa mengeluarkan dan menguatkuasakan fatwa, ia adalah bidang kuasa Negeri dan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI hanyalah sebagai pandangan dan nasihat umum yang tidak mengikat dan tiada kuasa perundangan. Namun apabila melihat kepada kecenderungan hakim Syariah yang menjadikan fatwa peringkat Kebangsaan sebagai rujukan jelas menunjukkan bahawa fatwa yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI ini tetap mempunyai kekuatan tersendiri sebagai sumber perundangan yang wajar dirujuk oleh hakim Syarie. Apabila seorang hakim berijtihad dalam memutuskan suatu penghakiman, mereka bebas untuk merujuk kepada mana-mana sumber seperti yang terdapat dalam kitab-kitab klasik dan kontemporari, termasuk merujuk kepada mana-mana fatwa dalam mahupun luar negeri. Dalam konteks isu dan permasalahan yang bersifat tempatan, sudah pasti rujukan fatwa sama ada fatwa peringkat Negeri mahupun Kebangsaan wajar menjadi sandaran kepada hakim untuk menjadikannya sebagai rujukan yang berautoriti dalam memutuskan suatu kes mahkamah. Begitu juga kebijaksanaan para hakim Syariah di negeri tertentu yang menjadikan fatwa negeri lain sebagai rujukan, dianggap sebagai satu perkembangan yang menarik bagi mengangkat nilai fatwa negeri di peringkat nasional. Jelas bahawa fatwa itu bukan bersifat kenegerian atau mengikat negeri tertentu, tetapi sifatnya adalah merentas sempadan geografi negeri.



## FATWA DAN PENDAPAT MUFTI TIDAK MENJADI RUJUKAN PENGHAKIMAN DI MAHKAMAH SYARIAH

Berikut pula adalah di antara kes-kes mahkamah Syariah yang tidak menjadikan fatwa dan pendapat mufti sebagai autoriti penghakiman. Dalam alasan penghakiman tidak dinyatakan fatwa sebagai autoriti dan rujukan walaupun terdapat fatwa yang relevan yang boleh dirujuk hakim syarie. Terdapat juga penghakiman yang diputuskan oleh hakim tetapi didapati tidak selari dengan fatwa. Walau bagaimanapun tidak banyak kes yang mengeneppikan fatwa sebagai autoriti penghakiman. Suatu yang jelas untuk dibuat perbandingan bahawa kategori kes yang tidak merujuk kepada fatwa adalah sama dengan kes yang menjadikan fatwa sebagai rujukan. Sebagai contoh kes berkenaan penentuan nasab anak sah/tidak sah taraf. Di negeri yang sama iaitu Terengganu, ada hakim yang menjadikan fatwa sebagai rujukan, tetapi fatwa tidak pula dirujuk oleh hakim yang lain. Dalam kes terdahulu iaitu kes *Mohd Faizol bin Zainal v Suhaila bt Yusoff* [2014] 2 ShLR 83, Hakim Kamarulazmi Ismail ada merujuk kepada fatwa sedangkan dalam kes di bawah iaitu kes yang sama berkaitan anak tidak sah taraf juga (*Faizal bin Rabion v Nurul Fazila bt Nawawi* [2014] 1 ShLR 137 2. *Zafrin Zulhilmi bin Pauzi v Noor Aini bt Nasron* [2013] 2 ShLR 42), hakim berijtihad sendiri dengan tidak merujuk kepada fatwa. Ini menunjukkan bahawa hakim bebas untuk berijtihad dengan tidak terikat dengan fatwa. Ini membuka kepada skop perbincangan yang lebih luas kerana keputusan-keputusan yang berbeza ini memperlihatkan konsep *binding precedent* atau ‘duluan yang mengikat’ tidak diamalkan di mahkamah Syariah kerana jika diamalkan, ia seolah-olah boleh menyekat nilai kebebasan ijtihad seorang hakim dalam membicarakan sesuatu kes. Ini juga boleh membuka ruang kepada para hakim untuk memperkayakan ilmu mereka dan membuat perbandingan kes yang dibicarakan di hadapan mereka. Perbezaan ini juga perlu dilihat daripada sudut yang positif. Ia membuka ruang kepada ijtihad dan mengelakkan ketidakadilan di samping menyesuaikan sesuatu penghakiman dengan fakta kes dan sebagainya. Kes-kes yang tersenarai dan dibincangkan di bawah adalah contoh perbicaraan yang tidak menjadikan fatwa sebagai autoriti penghakiman:

1. *Faizal bin Rabion v Nurul Fazila bt Nawawi* [2014] 1 ShLR 137
2. *Zafrin Zulhilmi bin Pauzi v Noor Aini bt Nasron* [2013] 2 ShLR 42

Dua kes ini ialah permohonan untuk mendaftarkan anak yang lahir tidak cukup enam bulan dua saat (*lahzah*) selepas tarikh akad nikah. Kes pertama dibicarakan pada 6 Februari 2013 di Mahkamah Rendah Syariah Kemaman. Tuntutan ini dibuat bagi tujuan pentadbiran/perundangan bagi memudahkan urusan pendaftaran persekolahan dan bukannya untuk tujuan penasaban dari sudut hukum syarak walaupun plaintif adalah bapa kepada anak itu secara biologi. Dalam kes ini, Hakim Hamidi Shafie memutuskan, plaintif boleh dan hendaklah dianggap sebagai bapa yang sah kepada anak tersebut tetapi jika plaintif meninggal dunia, anak tersebut tidak boleh mewarisi pusaka plaintif. Hakim turut merujuk kepada pandangan Dr. <sup>C</sup>Abd al-Karīm Zaydān bahawa anak itu boleh dinasabkan kepada plaintif bagi tujuan perundangan atau pentadbiran keduniaan

semata-mata sahaja. Dengan erti kata lain, ia boleh dinasabkan dalam urusan yang tidak berkaitan dengan pentadbiran hukum syarak seperti perwarisan atau kewalian.

Manakala kes kedua dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu pada 20 Jun 2012. Hakim Ismail Yahya juga turut berpegang kepada pendapat Dr. <sup>C</sup>Abd al-Karīm Zaydān bahawa anak itu hendaklah dinasabkan kepada pemohon mengikut undang-undang atau peraturan-peraturan keduniaan kerana anak itu walaupun lahir kurang dari enam bulan tetapi dalam masa yang sama, pemohon tidak menyatakan bahawa anak itu adalah anak dari perbuatan zinanya. Walau bagaimanapun, hakim memutuskan Zafrin Zulhilmi tidak boleh menjadi wali kepada Nur Damia Aqilla dan tidak boleh saling mempusakai.

### 3. *Wan Khairi bin Wan Azmi v Farah Nuriliana bt Jauhari* [2011] 2 ShLR 1

Kes ini pula dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah (Kuala Terengganu) pada 22 Februari 2010, Hakim Ismail Yahya telah memutuskan bahawa anak yang dilahirkan oleh Farah Nuriliana bt Jauhari boleh dinasabkan kepada Wan Khairi bin Wan Azmi mengikut hukum syarak dan undang-undang kerana anak tersebut dilahirkan melebihi tempoh enam bulan dua saat (*lahzah*).

Ketiga-tiga kes ini adalah berkaitan permohonan anak sah/tidak sah taraf. Dua kes pertama hakim menasabkan anak kepada bapa atas alasan dan tujuan pentadbiran/perundangan dan bukannya untuk tujuan syarak, manakala kes ketiga anak tersebut dinasabkan kepada bapa kerana kelahiran lebih dari enam bulan dua *lahzah*. Isu yang diketengahkan dalam tiga kes di atas adalah berkaitan fatwa yang tidak dirujuk. Terdapat fatwa yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI berkaitan isu ini, tetapi tidak pula dinyatakan sebagai satu rujukan. Jawatankuasa Fatwa telah bersidang sebanyak tiga kali iaitu pada 21-22 Januari 1971 (Persidangan Kali ke-3), 28-29 Januari 1981 (Muzakarah Kali Pertama) dan 10 Jun 2003 (Muzakarah Kali ke-57).

Keputusan Muzakarah Kali ke-57 berkenaan Anak Tak Sah Taraf menyebut:

a. Anak Tak Sah Taraf ialah:

Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetujuan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan. Anak dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 *lahzah* (saat) mengikut Takwim Qamariah daripada tarikh *tamkīn* (setubuh).

b. Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali.

Kerajaan Negeri Terengganu sendiri telahewartakan fatwa berkaitan Anak Tak Sah Taraf yang diwartakan pada 6 Januari 2005 seperti berikut:

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 50(6) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M En. Tr. 2/2001), setelah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan setelah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dengan ini menyiarkan fatwa yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 50.

Enakmen ini seperti berikut:

Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali dan tidak diharuskan perkara-perkara yang diharuskan bagi keluarga yang sah tarafnya pada syarak.

Hakim dalam kes ini tidak menjadikan fatwa sebagai autoriti sedangkan dalam kes lain yang juga di negeri Terengganu seperti dalam kes *Mohd Faizol bin Zainal v Suhaila bt Yusoff* [2014] 2 ShLR 83, hakim Kamarulazmi Ismail menjadikan fatwa Negeri Terengganu dan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI sebagai autoriti. Boleh diandaikan dalam kes yang tidak merujuk kepada fatwa berkaitan penasaban anak ini ialah kecenderungan hakim untuk berijtihad sendiri dalam tidak berpegang kepada fatwa.

#### 4. *Nor Aniza bte Idris v Mohammad Fauzi bin Ahmad* [2006] 3 ShLR 102

Dalam kes ini, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan telah mendengar kes berkaitan pengesahan perceraian di luar mahkamah. Defendan telah menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) yang didakwa oleh plaintif mempunyai tujuan cerai. Dalam perbicaraan itu, defendan telah melafazkan beberapa perkataan berbentuk lafaz *kināyah* yang jika mahu disabitkan sebagai cerai memerlukan kepada pensabitan niat adakah defendan benar-benar mahu menceraikan plaintif. Ini dinafikan oleh defendan yang menyatakan bahawa beliau tidak berniat cerai. Apa yang dihantar dalam SMS itu tidak pernah dilafazkan dan apa yang ditulis itu dilakukan ketika beliau sedang marah. Isu kes ini hanyalah berkisar tentang persoalan sama ada defendan semasa menulis SMS cerai *kināyah* mempunyai niat cerai atau tidak. Dalam kes ini, hakim memutuskan menolak permohonan plaintif untuk mendaftarkan perceraian tersebut, kerana isi kandungan SMS yang dikatakan *kināyah* itu tidak bersandarkan kepada niat defendan untuk menceraikan plaintif. Perbicaraan ini disokong dengan sumpah yang dibuat oleh defendan bagi menafikan tujuannya adalah untuk cerai. Justeru, hakim memutuskan:

I. Tidak sabit wujudnya niat defendan menjatuhkan talaq pada kedua-dua SMS tersebut. Oleh itu mahkamah hukuman, tidak jatuh talaq pada kedua-dua SMS tersebut. Ikatan pernikahan plaintif dan defendan masih berterusan mengikut hukum zahir;

II. Tuntutan plaintif untuk mendaftarkan perceraian tersebut adalah ditolak.

Dalam kes ini, terdapat fatwa yang relevan dan boleh dijadikan rujukan oleh hakim, tetapi tidak pula diambil sebagai autoriti dalam penghakiman. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI yang bersidang kali ke-59 pada 27 Ogos 2003 telah membuat keputusan:

I. Talak dalam bentuk tulisan yang jelas daripada suami yang ditujukan kepada isterinya secara khusus seperti melalui faksimili, SMS, e-mail dan sebagainya merupakan talak secara *kināyah* dan ianya adalah sah sekiranya disertai dengan niat;

II. Semua penceraian hendaklah dikemukakan kepada mahkamah Syariah untuk mensabitkan talak tersebut;

III. Talak yang dilakukan dengan menggunakan alat komunikasi moden adalah kaedah penceraian yang tidak menepati adab penceraian yang digariskan oleh syarak.

Walaupun fatwa ini dikeluarkan oleh institusi fatwa Kebangsaan dan bukannya Negeri, hakim boleh sahaja menjadikannya sebagai rujukan jika dia mengkehendakinya, tetapi tiada pernyataan dalam penghakiman bahawa fatwa itu menjadi hujah dan sandaran. Sedangkan dalam satu kes lain iaitu *Halijah Abdul Rahman v Zambree Baharom* [2009] 1 CLJ (Sya) 402, sebagaimana yang dibincangkan pada subtopik sebelum ini, hakim mengambil fatwa Kebangsaan di atas sebagai rujukan penghakimannya. Dalam kes ini, memang ada fatwa yang relevan dan boleh sahaja menjadi rujukan hakim, tetapi tiada kenyataan yang menyebut bahawa fatwa itu menjadi autoriti kepada hakim.

#### 5. *Che Mas Abdullah v Mat Sharie Yaakub* [2005] 2 CLJ (Sya) 1

Kes ini berkaitan tuntutan harta sepencarian di antara, plaintiff iaitu Che Mas binti Abdullah yang memohon kepada mahkamah supaya harta-harta terkumpul sepanjang perkahwinan dikira sebagai harta sepencarian, termasuk wang daripada simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Defendan. Plaintiff memohon agar semua harta-harta itu dibahagi dua bersama defendan. Dalam kes ini, adakah boleh disabitkan wang simpanan KWSP itu sebagai harta sepencarian? Hakim telah menjelaskan bahawa ia tidak boleh dikategorikan sebagai harta sepencarian yang boleh dituntut kerana defendan masih hidup. Wang simpanan KWSP adalah dikategorikan sebagai harta pusaka, hanya boleh dituntut selepas kematian defendan. Itu pun mesti dibahagi-bahagikan kepada ahli-ahli waris mengikut hukum faraid. Hakim berpandangan, menuntut wang simpanan KWSP itu sebagai harta sepencarian adalah merupakan suatu dakwaan atau tuntutan yang fasid iaitu tidak sempurna atau dakwaan dan tuntutan yang cacat mengikut hukum syarak.

Dalam kes ini telah ada fatwa yang dikeluarkan berkaitan dengan status caruman KWSP adakah dianggap sebagai harta sepencarian yang boleh dituntut sekiranya berlaku perceraian atau kematian. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-67 yang bersidang pada 22 Februari 2005 telah membincangkan Hukum Menjadikan Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sebagai Harta Sepencarian dan memutuskan bahawa wang caruman KWSP tidak boleh dianggap sebagai harta sepencarian. Ia adalah harta pusaka yang perlu dibahagikan mengikut hukum faraid. Dalam kes ini, keputusan yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI tidak dinyatakan sebagai rujukan sedangkan fatwa ini relevan dan boleh membantu hakim dalam memutuskan penghakimannya. Dalam kes ini, hakim hanya menyatakan bahawa beliau diberitahu adanya fatwa potongan gaji yang dimasukkan ke dalam KWSP adalah merupakan harta pusaka kepada individu yang memiliki caruman dalam KWSP tersebut, namun tiada pernyataan bahawa fatwa Negeri mahupun Kebangsaan diterima oleh hakim sebagai autoriti.

Kes-kes yang dibincangkan di atas adalah antara kes yang tidak menjadikan fatwa sebagai autoriti dalam penghakiman di mahkamah Syariah. Beberapa kemungkinan boleh diandaikan kenapakah dalam kes tersebut di atas hakim tidak merujuk kepada fatwa, sama ada fatwa peringkat Kebangsaan mahupun pun fatwa Negeri. Seperti yang pernah dijelaskan dan diujahkan oleh Ahmad Hidayat Buang (2004) bahawa hakim mahkamah Syariah tidak terikat dengan fatwa kerana mereka berhak untuk berijtihad di dalam kes-kes yang dihadapi kepadanya. Justeru, mungkin hakim Syarie yang bijaksana mengambil pendekatan berijtihad berdasarkan sumber yang mereka perolehi dari penulisan para sarjana muktabar.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, terdapat dua keadaan yang menjelaskan berkaitan dengan autoriti fatwa dan pendapat mufti, iaitu ada fatwa dan pandangan mufti yang dirujuk dan diterima dalam penghakiman di mahkamah syariah, begitu juga sebaliknya ada fatwa yang tidak dirujuk sedangkan fatwa ini ada kaitan dengan kes dibicarakan. Terdapat lima corak penerimaan fatwa sebagai autoriti iaitu; i) hakim Syarie merujuk kepada fatwa negeri masing-masing (dua kes), ii) menjadikan fatwa negeri lain sebagai autoriti (dua kes), iii) menerima fatwa Negeri dan fatwa peringkat Kebangsaan sebagai autoriti (dua kes), iv) menjadikan fatwa peringkat Kebangsaan sahaja sebagai rujukan berautoriti (dua kes), dan v) penerimaan fatwa sebagai autoriti walaupun statusnya tidak diwartakan (lima kes). Corak ini menjelaskan bahawa sememangnya mahkamah mengiktiraf kedudukan fatwa Negeri seperti yang diperuntukkan dalam statut Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri. Namun apa yang unik, dapatan kajian ini menjelaskan kedudukan fatwa negeri lain turut menjadi rujukan kepada hakim Syarie dalam memutuskan sesuatu kes. Ini memberi isyarat bahawa fatwa tidak terikat dengan bidang kuasa negeri walaupun hal ehwal agama terletak di bawah bidang kuasa negeri yang menguatkuasakan undang-undang Islam. Suatu yang menarik juga dapat diketengahkan melalui artikel ini ialah keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI, yang sering dilaung-laungkan sebagai tiada taring, tiada kuasa mengikat, tidak berautoriti dan sebagainya, sebenarnya telah dirujuk dan dijadikan autoriti oleh hakim mahkamah Syariah. Ini membuktikan bahawa fatwa peringkat Kebangsaan yang dikeluarkan berdasarkan kepentingan nasional adalah tepat, kerana ia menjadi rujukan peringkat negara demi kemaslahatan dan kebaikan masyarakat umum, termasuk institusi mahkamah. Di samping itu, fatwa yang tidak diwartakan tidak harus diketepikan dan wajar dirujuk oleh mahkamah memandangkan pengeluarannya melalui proses ilmiah dan penyelidikan.

Kajian ini juga membuktikan bahawa hakim Syarie mampu berijtihad dalam menyelesaikan pertikaian di mahkamah tanpa memerlukan panduan daripada mufti. Bagaimanapun, untuk memastikan mahkamah mendapat pendedahan dan maklumat tentang keberadaan sesuatu fatwa yang berkaitan dengan isu pertikaian, maka peguam syarie wajar membentangkan di mahkamah Syariah fatwa berkaitan. Peranan peguam Syarie ini akan dapat merancakkan lagi wacana fatwa dan penerimaannya dalam perbahasan di mahkamah.

## PENGHARGAAN

Para penyelidik mengucapkan terima kasih kepada geran penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia DPP-2015-069 dan GUP-2016-017 sehingga memungkinkan penyelidikan ini berjaya dilaksanakan.

### RUJUKAN

- Abdul Monir Yaacob. 2005. Kuasa Perundangan dalam Sebuah Negara Islam: Kes Malaysia. Dlm. Institut Kefahaman Islam Malaysia (pnyt.). *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*, hlm. 321-361. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdul Monir Yaacob. 2005. Ke Arah Mewujudkan Kerangka Perundangan Syariah Yang Lebih Lengkap di Malaysia. Dlm. Siti Shamsiah Md Supi (pnyt.). *Asas dan Kerangka Perundangan Negara Islam - Malaysia*, hlm. 1-19. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdullah @ Alwi Hj. Hassan. 1996. *The Administration of Islamic Law in Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah @ Alwi Hj. Hassan. 2005. Pelaksanaan Undang-Undang Syariah pada Zaman Pramerdeka: Aspek Sejarah dan Pelaksanaan. Dlm. Siti Shamsiah Md Supi (pnyt.). *Asas dan Kerangka Perundangan Negara Islam - Malaysia*, hlm. 23-46. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ahmad Hidayat Buang. 2004. Analisis Fatwa-Fatwa Syariah di Malaysia. Dlm. Ahmad Hidayat Buang (pnyt.). *Fatwa di Malaysia*, hlm. 163-180. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang.
- Auni Hj. Abdullah. 2005. *Tradisi Pemerintahan Islam dan Kolonialisme dalam Sejarah Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Farid Sufian Shuaib et al. 2001. *Administration of Islamic Law in Malaysia Text and Material*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2012. *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam*.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. 2012. Penyelarasan Fatwa: Isu, Masalah dan Harapan. Dlm. Irwan Mohd. Subri (pnyt.). *Seminar Kebangsaan Penyelarasan Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia*, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, hlm. 17-41.
- Mohd Hisham Mohd Kamal. 2009. Office of the Mufti in Malaysia: Legal History and Constitutional Role. *Shariah Law Reports*, 3: 20-43.
- Mohd. Daud Bakar. 1997. Instrumen Fatwa dalam Perkembangan Perundangan Islam. *Jurnal Syariah*, Jilid 5 Bil 1: 1-14.
- Nooh Gadot. 2005. Kedudukan dan Peranan Fatwa dalam Perlaksanaan Undang-Undang Syariah di Malaysia. Dlm. Siti Shamsiah Md Supi (pnyt.). *Asas dan Kerangka Perundangan Negara Islam - Malaysia*, hlm. 49-66. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Othman Ishak. 1981. *Fatwa dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ramizah Wan Muhammad. 2009. Sejarah Pentadbiran Kehakiman Islam di Malaysia: Satu Sorotan. *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia* 21(1): 1-11.
- Shamrahayu A. Aziz. 2015. *Institusi Fatwa dalam Perundangan Negara*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Suwaid Tapah. 2004. Perundangan dan Penguatkuasaan Fatwa. Dlm. Ahmad Hidayat Buang (pnyt.). *Fatwa di Malaysia*, hlm. 25-41. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang.
- Zaini Nasohah. 1998. *Perkembangan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia Sehingga Tahun 1990-an*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Kamel bin Mat Salleh  
Pelajar Siswazah,  
*mohdkamel73@yahoo.com*  
Jabatan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor Darul Ehsan

Mohd Al Adib bin Samuri  
*al\_adib@ukm.edu.my*  
Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim  
*izhar@ukm.edu.my*  
Jabatan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA

Journal of Contemporary Islamic Law

Vol. 1(1) (2016)

**Editor-In-Chief**

Dr. Mohd Al Adib Samuri

**Co-Editor**

Dr. Salmy Edawati Yaacob

**Senior Editors**

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Ibnor Azli Ibrahim

Assoc. Prof. Zuliza Mohd Kusrin

**Chief Managing Editor**

Mat Noor Mat Zain

**Arabic Copy Editor**

Anwar Fakhri

**Bahasa Copy Editor**

Md. Yazid Ahmad

Mohd Zamro Muda

**Editor**

Mohammad Zaini Yahaya

Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani



Journal of Contemporary Islamic Law

Vol. 1(1) (2016)

**Published by:**

Department of Sharia law,  
Faculty of Islamic Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
436500 Bangi, Selangor, Malaysia

**Suggested citation style**

Author, (2016), Title, Journal of Contemporary Islamic Law, 1(1), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.